



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS APRESIASI PELAJAR CEMERLANG
STPM DAN HUFFAZ
KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2021
TARIKH: 13 OKTOBER 2022 (KHAMIS), JAM: 2.30 PETANG
DI PUTERI BALLROOM, AMVERTON HOTEL, MELAKA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia;

Terima kasih pengacara majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, kita dapat berkumpul di Puteri Ballroom Hotel Amverton bagi meraikan Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang STPM dan Huffaz Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2021.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia majlis kerana sudi menjemput saya, sekali gus menyempurnakan majlis ini.

3. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) serta jawatankuasa yang terlibat menjayakan majlis yang cukup bermakna ini, bagi meraikan kecemerlangan **32** orang pelajar yang telah memperoleh keputusan cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan **PNGK 4.0** dan

140 orang Huffaz yang telah berjaya mendapat Sijil Tahfiz Malaysia (STM) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman semua, pada 1 Ogos 2022 yang lalu, Kerajaan Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) telah mengadakan Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang bagi SPM dan STAM. Pada ketika itu, keputusan STPM belum diumumkan. Justeru itu, pada hari ini kita

akan meraikan pelajar-pelajar cemerlang STPM setelah keputusan diumumkan.

5. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan perancangan pembangunan pendidikan pelajar-pelajar terutamanya anak-anak Melaka dapat dilaksanakan seperti mana yang telah dirancang. Sesungguhnya, undangan ini amat bermakna kerana majlis ini menjadi platform yang membolehkan saya bertemu anak-anak dan ibu bapa yang dikasihi. Mana mungkin anak-anak mampu

meraih kecemerlangan tanpa sokongan dan dorongan daripada tuan-tuan dan puan-puan yang turut cemerlang. Berikan tepukan untuk kita semua para ibu bapa cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Kerajaan Negeri Melaka amat berbesar hati memberi hadiah berbentuk **Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bernilai RM1000.00** kepada **pelajar cemerlang STPM** peringkat nasional, **RM500.00 seorang** kepada pelajar cemerlang **STPM**

dan **RM400.00** seorang kepada **para Huffaz** yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2021.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

7. Alhamdulillah, dengan izin Allah, saya difahamkan keputusan STPM bagi tahun 2021 di Negeri Melaka amat membanggakan. Salah seorang penerima anugerah pada hari ini, **adik Lim Sze Ling** dari **SMK Pulau Sebang** adalah antara 10 orang pelajar terbaik di peringkat nasional. Tahniah saya ucapkan.

8. Selain itu, saya juga amat bersyukur apabila dihabarkan bahawa pencapaian STPM pada tahun ini juga meningkat sebanyak 0.55% berbanding tahun sebelum ini. Syabas saya ucapkan kepada pengetua-pengetua sekolah, para guru, ibu bapa serta semua anak-anak cemerlang Negeri Melaka!
9. Saya berdoa agar kecemerlangan yang dicapai pada hari ini akan menjadi titik tolak untuk anak-anak terus mengukir kejayaan di menara gading nanti, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk

melahirkan generasi muda yang berpendidikan, berkemahiran dan profesional.

Saudara dan saudari sekalian,

10. Pada petang ini juga kita meraikan kejayaan **140 Huffaz** daripada **3 buah sekolah** iaitu **Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Sekolah Menengah Agama Tahfiz AL-Quran Chenderah dan Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran JAIM Abqari.**

11. Saya difahamkan, anak-anak Huffaz ini telah menghafaz **30** juzuk al-Quran dan lulus Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM). Sijil Tahfiz Malaysia ini adalah satu peperiksaan di bawah kendalian JAKIM bagi mengiktiraf pencapaian para Huffaz di Malaysia.

12. Saya difahamkan anak-anak Huffaz ini menduduki Peperiksaan SPM 2021 dan turut mencapai kejayaan yang cemerlang. Saya faham, bukan mudah untuk anak-anak menamatkan **30** Juzuk al-Quran dalam masa yang sama, terpaksa pula mempelajari

sembilan ke sepuluh mata pelajaran akademik untuk SPM. Sejujurnya, saya amat berbangga dengan pencapaian dan kebolehan anak-anak sekalian.

13. Saya berharap dan berdoa, agar kecemerlangan ini akan berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Setiap ilmu yang kita pelajari ini amat penting dan bermanfaat untuk semua orang seperti kata-kata Imam Syafie,

“Ilmu itu bukan yang dihafal, tetapi yang memberi manfaat.”

14. Kata-kata ini jelas membuktikan pentingnya ilmu itu bukan untuk diri kita sendiri, tetapi bagaimana kita menggunakan ilmu yang kita ada untuk membentuk generasi yang intelektual dalam melahirkan pemimpin dan modal insan berdaya saing dan berpotensi untuk masa hadapan.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

15. Sebagaimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka

(TAPEM) telah menyalurkan pelbagai jenis bantuan dan peruntukan untuk membantu anak-anak Negeri Melaka dalam bidang pendidikan. Sumbangan Kerajaan Negeri ini sentiasa berterusan dan ditambah baik sejak tahun 2000.

16. Komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri ini jelas membuktikan kesungguhan kita dalam mengangkat martabat pendidikan seiring dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) di bawah **Flagship 7** iaitu menjadikan Melaka sebagai **hab pendidikan dan teknologi** yang

terunggul di rantau ini dalam melahirkan rakyat Melaka yang berdaya saing melalui pelaksanaan sistem pendidikan yang menyeluruh dan berkualiti.

17. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga sentiasa menghargai jasa dan usaha gigih semua pihak terutama guru-guru dan pentadbir sekolah yang telah memberi sepenuh perhatian, masa dan tenaga demi melahirkan pelajar-pelajar anak Melaka yang cemerlang ini. Semoga pertemuan pada petang yang berbahagia ini dapat menjadi aspirasi dan motivasi kepada anak-anak untuk meneruskan kejayaan pada

masa depan supaya dapat berbakti kepada bangsa, agama dan negara.

18. Akhirul kalam, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmannirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang STPM dan Huffaz Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2021**

Sekian.

Wabillahitaufig
Warahmatullahi

Walhidayah
Wabarakatuh.

Wassalamualaikum

-TAMAT-